

Kumpulan Puisi Terpilih
BAHA ZAIN





DARI MULUT KE MULUT

*Sepuluh kata,
Seribu makna.*

*Seribu kata,
Tersiksa,
Tanpa makna.*

*Kata-kata,
Memendam racun dan bisa,
Seperti kata peribahasa*

*Dari telaga yang keruh,
Takkan mengalir air yang jernih.*

*Ah! Hanya sekadar kata-kata,
Dari kalimat yang biasa-biasa sahaja,
Dari hati yang durjana,
Tak kan terungkap kata-kata yang mulia.*

Dosa?

*Tuhan!
Ampunilah kami,
Tersepuh dalam lancung kencana.*

//18 Mac 2013


Amfe yep



DOA RESTU (Untukmu)

Tuhan!
Dengan setitis airmata,
Padamkanlah api neraka

//TPJ 21 mac 2013



25/100



Kumpulan Puisi Terpilih
BAHA ZAIN



Kumpulan Puisi Terpilih BAHA ZAIN

NASKHAH IKHLAS
daripada
Institut Terjemahan & Buku Malaysia
(276206 D)
www.itbm.com.my



ITBM
Institut Terjemahan & Buku Malaysia
Kuala Lumpur
2013

Buku **KUMPULAN PUISI TERPILIH BAHZA ZAIN** ini diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA BERHAD

(No. Syarikat: 276206-D)
Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel.: 603-4145 1800 Faks: 603-4142 0753
E-mel: publishing@itbm.com.my Laman web: www.itbm.com.my

Cetakan Pertama 2013
© Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad
Teks © Baharuddin Zainal

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan, mengulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, (sebelum ini dikenal sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad), Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E, Seksyen 10, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Baha Zain, Dato', 1939-
Kumpulan Puisi Terpilih Baha Zain / Baharuddin Zainal.
ISBN 978-967-430-260-3
1. Malay poetry-Collections. I. Judul
899.231

Editor: Zinitulniza Abdul Kadir

Reka bentuk kulit, reka letak buku dan produksi cakera padat:
Dinda Kanda Kreatif Sdn Bhd
Penghargaan foto: Dewan Bahasa dan Pustaka, Baharuddin Zainal

Dicetak di Malaysia oleh:
Attin Press Sdn Bhd
No.46, Jalan 2/108, Taman Salak Jaya
Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur



899.231
BAH

Kandungan

PRAKATA	<i>xiii</i>
PENGENALAN	<i>xv</i>
PENGHARGAAN	<i>xxi</i>
KESEORANGAN	<i>1</i>
MALAM MENGUNDANG PENGISIAN	<i>2</i>
RANJANG DAN MEDAN PERANG	<i>3</i>
SESUDAH RINDU YANG LAMA	<i>5</i>
SEPULUH TAHUN KUPELIHARA DALAM IMPIAN	<i>6</i>
KITA MAINAN WAKTU	<i>7</i>
BEBERAPA CATATAN KENANGAN	<i>8</i>
PERTEMUAN	<i>10</i>
KOLAJ “GERAKAN MODEN”	<i>11</i>
MENANGGUHKAN KEBENARAN	<i>12</i>
RAYUAN WANITA ASIA	<i>13</i>
SKETSA ANAK KECIL	<i>15</i>
TOPENG-TOPENG	<i>16</i>
MATI ITU PERPINDAHAN	<i>17</i>
DARI PUISI APA ERTINYA	<i>18</i>
SEPI PUN DATANG DI PERJALANAN YANG PANJANG	<i>19</i>
AYAH	<i>20</i>
DI KOTA KECILKU	<i>23</i>
LILAK	<i>24</i>
ANAK ASIA	<i>26</i>
PERTANYAAN	<i>27</i>
ALAMKU YANG HIJAU	<i>29</i>
ANTARA IKLAN DAN IKLAN	<i>30</i>
SEMUA BAKAL DIKETAWAKAN	<i>31</i>
KOTA KERTAS TANDAS	<i>32</i>
CATATAN SEJARAH	<i>34</i>

<i>ITU PIL-PIL KLINIK PERANCANG KELUARGA</i>	36
<i>SUJUD</i>	37
<i>NYANYIAN I</i>	38
<i>NYANYIAN II</i>	39
<i>BISIKAN KE TELINGA SAYANGKU</i>	40
<i>GRAFFITI</i>	43
<i>SELAMAT TINGGAL AZALEA</i>	44
<i>ANGIN DINGIN</i>	45
<i>BAPAKU</i>	46
<i>PILIHAN USIA</i>	49
<i>DI KACA JENDELA DI TEPI SUNGAI CHOPHRAYA</i>	50
<i>SETIAP KALI RAMADAN TIBA</i>	51
<i>IMPIAN SEORANG SENIMAN</i>	52
<i>DOA PADA HUJUNG PERJALANAN</i>	53
<i>BACALAH DALAM BAHASAMU</i>	56
<i>RATAPAN GADIS EROPAH</i>	58
<i>GAMBARAN SILAM</i>	59
<i>PADA SUATU WAKTU ULANG TAHUNKU</i>	60
<i>DI TAMAN SHAKESPEARE</i>	61
<i>BUKU</i>	63
<i>KUNANG-KUNANG</i>	64
<i>MATI DALAM PERLAWANAN</i>	65
<i>HANYA SEBUAH BUMI DAN CAHAYA YANG SAMA</i>	68
<i>BAHASA MELAYU MELAWAN KEMBALI</i>	69
<i>KUALA LUMPUR OH! KUALA LUMPUR</i>	70
<i>SEBUAH SUNGAI KECIL DI DUSUN PERMAI</i>	72
<i>MENGINGATI KEKASIH</i>	73
<i>PUISI</i>	74

<i>PADA SETIAP KEMBARA</i>	77
<i>MENYEBERANGI SEMPADAN KE PULAU DI SELATAN</i>	78
<i>MALAM MENGUNDANG PENGISIAN</i>	80
<i>DATANG HIJRAH DAN MASEHI</i>	81
<i>MIMPI PENGANTIN</i>	82
<i>PENGALAMAN CINTA</i>	83
<i>PADA SALJI PERTAMA DI ANN ARBOUR</i>	84
<i>PANTUN MUSIM DINGIN</i>	86
<i>BURUNG TUKANG DAN PEREMPUAN DI RANJANG</i>	87
<i>SERUAN</i>	88
<i>PERMAISURI</i>	90
<i>BUNGA SEDAP MALAM</i>	92
<i>APABILA AKU SAYANG DAN BENCI</i>	93
<i>SALAM KEPADA USMAN</i>	94
<i>DI LEWAT USIAKU</i>	97
<i>SIA.SIA</i>	98
<i>PELARIAN DAN MALAIKAT</i>	99
<i>AH! HANYA KENANGAN</i>	100
<i>MARI KITA BERCIKITA</i>	101
<i>MATI</i>	102
<i>USIA ITU</i>	103
<i>MALAM PENGISYTIHARAAN</i>	104
<i>SUARA DARI GURUN</i>	106
<i>SATU PERCUTIAAN</i>	107
<i>KUPETIK MAWAR PAGI DI KAKI PYRAMID YANG TINGGI</i>	108
<i>INDONESIA PADA KUNJUNGAN SEMULA</i>	109
<i>PADA SUATU MUSIM PANAS</i>	113
<i>DARI PLAZA DE TOROS LAS VENTAS KE REINA SOFIA</i>	114

<i>PENGUNGI KOTA</i>	115
<i>TELAWI OH ! TELAWI</i>	116
<i>DALAM KEKUSUTAN</i>	118
<i>BAHASA</i>	120
<i>TERGANTUNG PADA KATA-KATA</i>	121
<i>GLOBALISASI DAN LIBERALISASI</i>	122
<i>ANJING DAN MERDEKA</i>	123
<i>AGAMA DAN MERDEKA</i>	124
<i>TENTANG KRITIKAN</i>	125
<i>PERIHAL MELAYU DAN PERIBAHASANYA</i>	126
<i>MENULIS PUISI</i>	128
<i>PERSAHABATAN PADA SUATU WAKTU</i>	131
<i>PERNAHKAH ENKKAU MENTAFSIR KEDAMALAN</i>	132
<i>KENYATAAN PUISI</i>	133
<i>KUSEBUT NAMAMU SELALU KEKASIHKU</i>	134
<i>PERCAYALAH PADA HATI</i>	135
<i>SESEKALI</i>	136
<i>APAKAH ERTINYA KATA-KATA</i>	138
<i>MAKNA DIAM</i>	139
<i>SEWAKTU KAU LENA</i>	141
<i>DOA MULUS SANG PUTERI</i>	142
<i>“ BANG LONG ”</i>	144
<i>IMPIAN DAN KENYATAAN</i>	146
<i>ATAS NAMA RAKYAT</i>	147
<i>DI KAMAR BEDAH</i>	149
<i>WARAH KEPERCAYAAN ZAMAN</i>	150
<i>KEBIJAKSANAAN DAN WAJAH MANUSIA</i>	153
<i>LANDSKAP</i>	154

<i>NAFAS KEBEBASAN</i>	155
<i>DALAM PERSEKITARAN KATA-KATA</i>	157
<i>KENANGAN PERSAHABATAN</i>	158
<i>MEMPERJUDI NASIB DAN IMPIAN</i>	160
<i>DI JENDELA TAHUN</i>	162
<i>USIA</i>	165
<i>POHON</i>	166
<i>PEREMPUAN DARI UTARA</i>	167
<i>DALAM KABUS DI SEBUAH BUKIT</i>	168
<i>GERAK SANG KOTA, DI TUBUH BADAN KITA</i>	169
<i>DALAM LINGKARAN</i>	170
<i>PELARIAN DARI SEBERANG</i>	172
<i>DUKA SEORANG PANGERAN</i>	173
<i>HANYA DI BULAN INI</i>	174
<i>TIDAK PERCAYA</i>	175
<i>SUARA BANGSA</i>	176
<i>COKLAT LIMAU JEJU</i>	178
<i>DARI BENUA UTARA</i>	180
<i>NASIHAT ORANG TUA-TUA</i>	181
<i>PUISI SEDERHANA TENTANG KENANGAN</i>	182
<i>SEWAKTU DI RUMAH INI</i>	184
<i>KUEH NYONYA DAN IBU</i>	186
<i>DARI JODOH KE CINTA TAQWA</i>	187
<i>BULAN YANG PUTIH</i>	190
<i>JALAN SUBUH KE SURAU KAMI</i>	191
<i>FAJAR</i>	192
<i>MALAM KUDUS</i>	193
<i>PADA PENGHUJUNG RAMADAN</i>	194

<i>DI DESA GLOBAL: SEMPADAN YANG LUNTUR</i>	195
<i>GUNUNG KESETIAAN</i>	197
<i>JEBAT SUDAH MATI</i>	198
<i>LARUT WAKTU</i>	199
<i>HALAMAN DAN BAB DALAM RIWAYAT KEHIDUPAN</i>	201
<i>MEMBACA PERJALANAN MANUSIA</i>	201
<i>HUJAN TENGAH MALAM</i>	203
<i>DI KOTA SUTERA</i>	204
<i>BUDI DAN DOA</i>	207
<i>APAKAH ALAMATNYA?</i>	208
<i>PETANG</i>	209
<i>SALAM TERAKHIR</i>	210
<i>PERMAINAN MIMPI</i>	211

Prakata

Apabila subjek itu Baha Zain, rata-rata pasti bersetuju bahawa karya dihasilkan Sasterawan Negara ke-12 ini sangat jujur bicaranya. Baik puisi mahupun prosa lengkap esei kritik sasteranya, semua tulisan Baha Zain memperlihatkan garapan kemas yang diadun menggunakan bahasa mudah tanpa banyak bergelut metafora. Benar ada ketika, bentak amarah Baha Zain boleh dikesan pada beberapa karyanya. Tapi itu adalah kemanusiaan. Beliau tidak berpuitis untuk tujuan estetika jiwa, sebaliknya menulis untuk mengajak khalayak melihat, menilai, berfikir dan seterusnya memilih hala tuju sendiri terhadap kehidupan dan budaya, khususnya dalam aspek pembangunan bahasa dan sastera bangsa.

Mula berkarya kala negara baru setahun meraikan kemerdekaan, Baha Zain atau Baharuddin Zainal yang mesra disapa Dato' Baha hampir tidak pernah berhenti menulis. Sejak Tanah Melayu masih dahagakan pengisian nasionalisme pasca merdeka, hinggalah di saat rakyat Malaysia hari ini bergelut dengan pra politik negara maju, semangat Baha Zain tidak pernah luntur. Harapannya adalah harapan bangsa dan cita-citanya adalah cita-cita negara. Pada puisi khususnya, beliau lontarkan pandangan yang dicorakkan pengalaman lampau serta senario masa hadapan. Apa yang berlaku?... Apa yang perlu dijadikan pengajaran?... Apa perlu dibuat? Dan paling getir, puisi Baha Zain menyorot kita kepada satu lompong untuk berfikir dan bertanya kepada diri sendiri, sumbangan apa diberi kita kepada bangsa dan negara, bukan sumbangan apa diberi negara untuk kepentingan dan faedah kita!

Justeru, buku ini adalah khazanah. Mengumpulkan 150 puisi pilihan yang disaring sendiri Baha Zain daripada ribuan hasil karyanya, *Kumpulan Puisi Terpilih Baha Zain* adalah buah tangan istimewa yang sarat bait tersurat dan makna tersirat. Lebih manis, apabila di saat buku ini sedang bertungkus lumus diusahakan kumpulan penerbitannya, kami beroleh perkhabaran gembira bahawa Baha Zain dipilih sebagai penerima Anugerah Sastera Negara ke-12, anugerah tertinggi kerajaan Malaysia yang membawa kepada gelaran Sasterawan Negara. Setinggi-tinggi tahniah daripada kami seluruh warga Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dan penganugerahan ini ibaratnya seperti gerbang terindah menyambut pulang Baha Zain dari satu perjalanan yang jauh dan panjang..

Dalam menjayakan penerbitan buku ini, selain Baha Zain sendiri semestinya, saya mewakili ITBM dengan ini menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada editor serta kumpulan pereka bentuk yang telah melahirkan idea luar biasa untuk dizahirkan menjadi produk tanda aras baharu bagi penerbitan ITBM. Berbeza daripada kebiasaan, ia selari hala tuju syarikat untuk terus

mencabar diri dengan kreativiti dan inovasi segar. Lebih istimewa, apabila penerbitan ini turut disertakan cakera padat rakaman 14 puisi pilihan yang dideklamasikan Baha Zain secara eksklusif di studio dan diiringi muzik yang diilhamkan khusus sekumpulan anak muda berbakat. Pendek kata, segala-galanya mengenai *Kumpulan Puisi Terpilih Baha Zain* ini jelas sangat istimewa. Justeru, syabas dan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan penerbitan buku ini, baik secara langsung mahupun tidak langsung. Yang kurik itu kundi, yang merah itu saga. Yang elok itu budi, yang indah itu bahasa. Sayangilah bahasa, sayangilah bangsa. Cintai negara, cintai Malaysia.

Selamat membaca!

Mohd Khair Ngadiron
Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Pengenalan

Pada 15 Mac 2013, Panel Anugerah Sastera telah memilih Baha Zain (Baharuddin Zainal) sebagai Sasterawan Negara ke -12. Malah sebelum itu pun Baha Zain sudah diiktiraf sebagai seorang penyair, penulis esei, pengkaji serta penulis blog tersohor Malaysia dan untuk sekian lamanya sudah pun mencapai suatu tahap gaya serta suara yang unik dan kepengarangan yang sangat berbeza.

Dunia puisinya ditebar luas. Pengalaman kesusasteraannya dikutip daripada sastera dan terjemahan bahasa Melayu, Inggeris dan Indonesia. Sewaktu belajar di Universitas Indonesia, Baha Zain turut menyerap masuk ke dalam suasana dan aktiviti sastera di Jakarta. Gabungan unsur-unsur ini akhirnya menumbuhkan sebatang pohon yang agak istimewa buahnya.

Sewaktu menulis, Baha Zain akan meninjau perkembangan dilihat berlaku di negaranya - kenyataan politiknya yang simpang siur, ekonomi dan budaya. Tetapi dalam masa yang sama, beliau kerap mendengar kata hati yang menilai jagat diri dan di luar diri - akhlak pembesar dan diri penyair sendiri. Sajaknya ditembusi peluru peperangan yang berkepanjangan dan kesedihan manusia yang peka kepada tamadun. Oleh itu, baris-barisnya sering tersirat ironi, kias dan kecewa yang kesemuanya menjadi gambar serta rona kanvasnya.

Seorang pengkaji karya Baha Zain akan dapat melihat dengan agak jelas belahan dunia yang dijalaninya. Dunia awal, hijau dan tradisional menjadi tapak mula hidupnya sebagai pelajar sekolah dan anak kampung. Ibu bapanya kerap muncul dalam sajak dan naratifnya. Anak bongsu ini juga pada masa yang sama beroleh paling banyak kemudahan dan kasih sayang.

Bagaimanapun, persekolahan di Ipoh membawa Baha Zain sedikit jauh dari kampungnya, bukan saja dalam aspek jarak tetapi juga cara berfikir dan gaya hidup. Dengan perlahan, dia mula menjauhi kampung.

*Di sinilah anak belasan tahun
Mulai mengenal cinta dan ilmu
Pengorbanan ayah dan emak
Keakraban teman dan pergelutan
Detik itu mengambang bagai mimpi
Sewaktu ku lewati kota kecilku ini*

Proses yang berlaku kepada dirinya ini ialah satu bentuk pengalaman yang turut dilalui oleh ramai anak Malaysia pada tahun 1960-an.

Justeru, tidak menghairankan apabila proses ini menjadi satu antara tema terpenting karya Baha Zain. Dunia moden menyerang dunia luar bandar Malaysia dan sekali gus menghakisnya. Kalangan anak muda diangkut dari rumah, balai dan sawahnya. Inilah gerak traumatik kampung ke kota yang menyaksikan perubahan yang tidak dapat dirungkai lagi dalam sejarah Malaysia. Kota yang ditemuinya tidak murah hati atau selalu menyenangkan.

*Kota ini batu-batu keras
Di daerah pergeseran
Perhimpunan tenaga pemecah
Pemimpin pelajar, buruh, pengurus dan ilmuwan
Bata-bata dari bangunannya hidup kota
Betapapun sugulnya ada
Kita tak dapat lari daripada diri
Yang mendukung sekali gus membenci kota kotor ini
Jadi barah buat kehijauan di sekitarnya*

Beberapa dekad setelah itu, penyair meringan dia mengejek Kuala Lumpur:

*Di sini
Segala-galanya ada
Kecuali
Ibu dan bapa

Segala-galanya boleh dibeli
Dari hujung rambut ke hujung kaki
Seluar dalam dan singlet
Kutang dan jaket
Malahan politik*

Baha Zain ialah pemerhati kenyataan yang agak saksama. Walaupun dia rindukan kampungnya dari kota yang tidak begitu baik hati, namun dia menerima bahawa itulah kenyataan dan penyair ialah pengarang yang berdiri di depan kenyataan serta menulis tentangnya.

Tanpa prasangka, penyair menilai kedua-dua dunianya.

Dari dua dunia tersebut, beliau memilih watak-watak yang hadir di sepanjang hidupnya, dari ayah dan ibu, kekasih dan isteri, anak dan cucu serta ahli politik dan pembantu rumah. Seniman, pemikir dan budayawan diberikan tempat terhormat, kerana merekalah yang membina tamadun.

Satu antara sumbangan terpenting Baha Zain ialah gaya penulisannya yang unik. Paling peka kepada bahasa Melayu, beliau menulis dengan rasa rendah diri, padat dan digerakkan metafora. Ada keikhlasan yang terbaca pada suaranya, kerana Baha Zain tidak memaksa sudut pandangannya, tapi mengajak kita berbincang, menilai dan membuat keputusan. Inilah gaya pasca 1960-an dan menjadi petunjuk kepada penyair di kurun 21 yang tidak menerima khutbah atau serangan pendapat.

Ini bahasa orang merenung dan berfikir, bukan orang yang berperang hujah:

*Datanglah ke pinggir sungai
Dingin berleumpang menuju ke hilir
Ada murai bernyanyi di dahan
Ada sarang kelicap di celah daun
Genggam dan ramaslah pasir di tapak tangan
Menaksirkan hujah daripada alam
Lupakah engkau sekalian keindahan?*

Landasannya dua: fikiran dan perasaan. Ada unsur intelektual mutakhir yang jelas dan ada juga perasaan halus yang memperkayakan dan menambah kesenian kepada logika naratifnya. Pada ramai pengkaji, Baha Zain ialah seorang penyair intelektual yang berkarya berlandaskan akal dan hati nurani. Dan daripada gabungan dua unsur ini tercetuslah bait-bait segar lagi bererti. Oleh sebab itu, agak sulit untuk memberikan kategori kepada semua karya beliau. Tapi, kita juga bertanya, apakah manusia penyair dan karyanya boleh dikategorikan seperti surat-surat pentadbiran dalam fail lama?

Penyair menganggap dirinya sebagai penghuni dunia. Justeru, dia berhak terhadap apa juga yang berlaku di dunia sepunya ini, dari rumah atau pejabatnya di Malaysia, dari tebing Chao Praya atau landing Iowa, atau di mana-mana saja perjalanan membawanya. Beliau ke sana sebagai pelajar, pegawai, penyair, peserta persidangan dan akhirnya juga sebagai pelancong sastera.

Penyair ini memerhati dari dekat dan jauh, dari saraf perasaannya dan juga akal fikiran serta akal budinya. Kerana beliau berpendirian moral dan juga politik sosial, maka pandangannya turut diwarnakan oleh nilai-nilai serta perspektif peribadi.

Kerana merasakan bahawa penyair ialah penilai zaman, maka beliau selalu berterus terang. Kota dan kampung diperhatikan dari sudutnya dengan nilai-nilai yang turut diambil daripada pengalaman serta ilmunya. Demikianlah munculnya baris-baris dari *Kota Kertas Tandus*. Bait-baitnya berhujah dengan kita dan gerak logikanya cukup menyakinkan. *Esei dan Puisi: Tentang Penulis dan Persekitarannya (2000)* ialah koleksi puisi serta esei yang melukis protesnya terhadap arah nilai dan ekonomi yang memenangkan golongan kaya.

Beliau menjelajah ke serata dunia melalui jempunan untuk mendeklamasi puisi mahupun menghadiri persidangan kesusasteraan. Namun, ada kalanya beliau juga ke luar negara untuk bercuti. Beliau pernah melawat China, Mesir, Amerika Syarikat dan banyak negara Eropah. Semua ini dijadikannya latar untuk mencari pengalaman baharu dan titik perbandingan dengan situasi di negaranya. Dalam bertindak balas terhadap persekitaran baharu itu, Baha Zain melukiskan wajah dunianya – selain kebodohan, tamak haloba ahli politik dan jeneralnya, serta darah yang tidak pernah putus tertumpah sepanjang tamadun insan.

Dalam antologi puisinya yang berjudul *Tiga Catatan Perjalanan*, penyair berdepan dengan dirinya yang terperangkap di tengah-tengah arus – masa dan peristiwa, dan betapa perlunya beliau meluahkan apa yang ada di fikirannya.

ITU PIL-PIL KLINIK PERANCANG KELUARGA

Lama sekali aku menatap isteriku

Ya, dia bagai perawan

Dan aku diserang bosan

Lalu kubanting sebuah impian

Ke perutnya

Tentunya tidak aneh bukan?

Setahun kemudian

Dia hanya berangan saja

Dan tak bisa melahirkan

Itu pil-pil klinik perancang keluarga

Membuat perempuan bunting dalam kepala

Dan lelaki pemacu yang sia-sia

CATATAN SEJARAH

*Kalau dia hidup sepuluh abad
Menyaksikan perang demi perang
Kemenangan demi kemenangan
Lalu duduk menyusun sejarah
Dia paling-paling menulis begini:
Manusia sekadar meneruskan
Pergelutan untuk mati.*

Sehingga kini, Baha Zain telah menghasilkan lima kumpulan puisi: 'Perempuan dan Bayang-bayang', 'Catatan Kertas Tengah Malam' (1978), 'Esei dan Puisi: Tentang Penulis dan Persekitarannya' (2000), 'Tiga Catatan Perjalanan' (1980) dan 'Postponing Truth', puisi pilihannya yang diterjemah ke bahasa Inggeris.

Berikut adalah sebahagian pilihan karya terkuat yang turut dianggap terpenting:

Antaranya termasuklah *Perempuan dan Bayang-Bayang* (DBP: 1974), *Mendekati Kesusasteraan* (DBP: 1975), *Dari Kertas Catatan Tengah Malam* (DBP: 1978), *Esei Sastera Baharuddin Zainal* (DBP: 1979), *Sepuluh Sajak* (DBP: 1979), *Tiga Catatan Perjalanan* (DBP: 1980), *Jalan Desa ke Kota* (Pustaka Cipta: 1994), *Esei dan Puisi Baha Zain: Tentang Penulis dan Persekitarannya* (Pustaka Cipta: 2000), *Berguru pada Binatang* (Pustaka Cipta: 2000) dan *Setaman Pantun: Kumpulan Pantun Kasih Sayang* (Pustaka Cipta: 2002).

Seorang Sasterawan Negara yang juga seorang pengkritik yang sangat dihormati telah menulis baris-baris berikut tentang karya-karya Baha Zain. "Sejak 'Perempuan dan Bayang-Bayang' lagi sudah kita temui gaya yang khusus pada Baha Zain. Suaranya yang bersahaja, pengucapan hujahnya yang jujur, ditambah dengan garam sinisnya, maka karyanya mudah menjadi intens, misalnya dalam sajak-sajak seperti 'Wajah Kota yang Kumal' dan 'Kota Kertas Tandas'. Hal ini saya rasa, ialah suatu perkembangan di mana keghairahan nilai dapat juga diberikan salutan sinisme." Baha Zain juga mengekalkan humor ejekan. Berbanding penyair lain, nafasnya agak panjang sepanjang usaha mencari kata dan imej. Kedua-duanya diperkenalkan kepada kita, sebelum dikembangkan menjadi penuh dan memuaskan. Selain itu, bahasanya juga disaring daripada bahasa percakapan dan wacana akademik. Puisinya terletak pada kejituan ekspresi serta rincian baharu, malah beberapa baris daripada puisinya kekal dalam ingatan pembaca kerana kebenaran maknanya diberikan muzik bahasa yang memasuki minda di bawah sedar kita.

Lahir di Perak pada 1939, Baha Zain bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selama lebih 20 tahun sebelum meletakkan jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarahnya untuk tujuan menceburi bidang penerbitan. Bagaimanapun, beliau terus menyumbang kepada DBP lewat kolumnya di *Dewan Sastera*, selain dikenali sebagai *blogger* terkenal masa ini.

Baha Zain juga Presiden Persatuan Penulis Nasional (PENA) dari 2008 hingga 2010.

Prof Muhammad Haji Salleh
Sasterawan Negara

Penghargaan

Menjunjung Budi

Menulis puisi tidak selalu lancar kerana puisi itu asalanya bukan di muka kertas, tetapi di dalam batin. Menerbitkan beberapa puisi dalam sebuah buku, lagi lebih payah kerana bukan kerja penyair seorang diri; ramai yang terlibat. Memilih puisi mana yang patut diterbitkan daripada sekian banyak tidak juga boleh dikatakan mudah kerana ada puisi yang sangat dekat dengan hati penyair, tetapi tidak memikat hati orang lain. Begitulah sifatnya puisi: selalu dalam suka dan sangsi.

Kalau tidak dirangsang oleh Saudara Mohd Khair Ngadiron, mungkin buku ini tidak terbit sebagai kumpulan yang ada. Saya sendiri tidak memikirkannya, tetapi beliau sebagai nakhoda ITBM selalu memeta jalan pelayaran yang lebih mencabar. Ideanya bersambutan dengan inovasi visual Zini – nama panggilan buat Zinitulniza Abdul Kadir – sehingga akhirnya kumpulan ini menemui wajah yang lagi sekali di luar bayangan fikiran saya.

Dalam proses persiapan dari awal beberapa tenaga Editor, antaranya Khairul Anuar Mansor, Rozlan Mohamed Noor, Ahmad Zamani Ishak dan sejumlah yang lain turut membantu menyediakan manuskrip yang kemudiannya ditangani oleh kumpulan pereka bentuk, Nini Rudeen dan Timi Haron yang diketuai oleh Saudara Ramli Lokman yang bersama-sama mengajak saya untuk menterjemah makna kata ke wajah puisi yang lebih kaya. Demikianlah hidupnya puisi di tengah khalayaknya: selalu berkelana jauh daripada dunia sempit penyairnya.

Kepada setiap nama yang tersebut di atas, dan juga isteri saya Rose, terjunjung segala budi seperti permata terhias di jari; dan kepada saudara pembaca yang jauh di mata, setiap puisi menjadi pengganti diri untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih.

Syukur Alhamdulillah.

Baha Zain

KESEORANGAN

Pagi itu aku ajar kau merebut waktu
Sesaat yang biasa terlepas di pintu
Keretapi ke Shinjuku
Tak mengenal penumpangnya
Tak menyapa dan tak biasa ketawa

Kau segerombolan boneka yang tangkas
Lebih kaku dari keasinganku

Dari Soshigaya Okura ke Shinjuku
Angin Tokyo resah
Dan tak mesra

//pagi 1976, sehari selepas autumnal equinox

MALAM MENGUNDANG PENGISIAN

Malam yang singkat selalu lepas daripada dakapan
Siang terlalu cerah untuk tidak kelihatan
Dan terlalu ramai menuntut kehadirannya

Pertemuan dengan malam pekat
Tak meminta pengesahan daripada sesiapa
Angin mendesis, tanah jadi basah
Akan membisikkan apa?

RANJANG DAN MEDAN PERANG

Atas ranjang sempit ini
Ketika malam mengunci diri
Kekasih bermain cinta
Sejurus mengeluh
Terlalai dan kesal

Antara hutan tebal
Sewaktu malam menyebar pekat
Askar-askar tertembak
Seketika mengaduh
Tergeletek dan senyap
Ranjang dan medan perang
Tak terduga
Puas atau tersiksa

//februari 77

PILIHAN USIA

*Bila aku lapan belas
Aku tidak memilih kesenangan
Tetapi cinta.*

*Bila aku dua puluh
Aku tidak memilih angin
Tetapi api.*

*Bila aku tiga puluh
Aku tidak memilih perubahan
Tetapi revolusi.*

*Bila aku empat puluh
Aku tidak memilih resah
Tapi sepi.*

*Bila aku dewasa
Aku tidak memilih khayalan
Kecuali yang pasti
Tanpa ketakutan lagi.*

Buku ini menghimpunkan 150 puisi pilihan daripada ratusan karya Baha Zain sejak mula menulis pada 1958. Menolak kesenangan, resah dan khayalan, Baha Zain sebaliknya memilih hidup berpaksikan idealisme: cinta, revolusi, sepi dan 'kecuali yang pasti'. Menyusuri bait puisi di dalam buku ini ibarat mendinginkan api yang sedang marak, menyiram bunga yang sedang kembang, menyubur kasih yang sedang mekar, juga merawat hati yang duka apabila berhadapan retorik yang melukakan. Ia umpama segalanya: bercerita dan menceritakan; mengimbas kenangan dan menata kejujuran teguran serta sindiran sambil berlagu menyanyikan kata dan hati nurani – tersurat mahupun tersirat.

Zinitulniza Abdul Kadir (Editor)